

**Kuala Lumpur:** Penjaja wanita yang tular kerana enggan bekerjasama dan menggigit penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dijatuhi hukuman denda RM3,000, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi Asisten Komisioner Sulizmie Affendy Sulaiman berkata, terdahulu, wanita berusia 30 tahun itu dituduh di mahkamah di sini.

## **GIGIT TANGAN PENGUAT KUASA DBKL**

# ***Penjaja wanita didenda RM3,000***

“Wanita itu dituduh di bawah Seksyen 186 Kanun Keseksaan (menghalang tugas penjawat awam) dan dia mengaku bersalah sebelum dijatuhi hukuman denda RM3,000 oleh mahkamah,” katanya pada kenyataan, semalam.

Dalam satu lagi kes menghalang petugas DBKL, kertas siasatan membabitkan tiga lelaki tempatan berusia 15 hingga 39 tahun akan dirujuk kepada timbalan pendakwa raya bagi tindakan seterusnya.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan penguat kuasa DBKL cedera diserang penjaja tidak berlesen di Jalan Tuanku Abdul Rahman di sini, dalam dua kejadian berasingan.

DBKL dalam satu kenyataan berkata, dua laporan

polis dibuat berhubung kejadian mendatangkan kecederaan kepada penguat kuasa.

Susulan itu, empat individu ditahan.

Sebelum itu, tular di media sosial memaparkan seorang penjaja wanita ber-

gelut dengan beberapa penguat kuasa DBKL yang sedang menjalankan tugas di sekitar ibu negara.

Dalam video berdurasi 30 saat itu, penjaja wanita berkenaan dilihat menjerit dan meronta-meronta sementara tiga penguat kuasa wanita cuba menenangkannya. Difahamkan, kejadian itu berlaku selepas DBKL cuba menyita kecederaan wanita berkenaan.